

13/06/2001

Malaysia kaji permintaan jadi orang tengah

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan menimbang permintaan supaya Malaysia turut sama dalam rundingan membebaskan mangsa yang diculik kumpulan Abu Sayyaf di Selatan Filipina, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak keberatan memenuhi permintaan itu jika ia bukan satu masalah besar.

"Kita akan mengkajinya. Saya rasa jika ia tidak menimbulkan masalah yang besar, kita akan membenarkannya," katanya selepas majlis makan tengah hari sempena Persidangan Minyak dan Gas Asia 2001, di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada Malaysia akan membenarkan dua rakyatnya mengambil bahagian dalam proses rundingan bersama kumpulan Abu Sayyaf seperti diminta Kerajaan Filipina.

Manila semalam bersetuju membenarkan wakil dari Malaysia menjalankan rundingan dalam krisis tebusan itu sebagai memenuhi tuntutan kumpulan Abu Sayyaf.

Kumpulan pemisah itu menamakan dua warga Malaysia iaitu bekas Senator, Datuk Sairin Karno dan ahli perniagaan, Yusof Hamdan.

(END)